

## TENDER NOTICE

### **NO. KONTRAK T170042 – KONTRAK PERLUPUSAN PERKAKASAN KOMPUTER, PERABOT-PERABOT LAMA, ALATAN PEJABAT DAN BESI TERPAKAI DI IBU PEJABAT PENANG PORT SDN. BHD.**

Saya telah diarah untuk memaklumkan kepada tuan bahawa Penang Port sedang mengeluarkan tawaran untuk kontrak di atas.

Tender adalah dipelawa kepada Kontraktor/Syarikat yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan Lesen Perlupusan daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk membuat tawaran bagi kerja berikut.

Sekiranya tuan berminat, Borang Tender boleh diperolehi melalui Unit Perolehan, Tingkat 1 Bangunan Ibu Pejabat Pentadbiran Penang Port Sdn. Bhd., Pulau Pinang pada waktu-waktu pejabat, sebelum jam 4.30 petang.

Sila kemukakan Sijil Lesen Pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan Lesen Perlupusan yang **Asal & Salinan** semasa membeli Borang Tender berkenaan.

Tarikh lawatan ke tapak kerja akan di adakan pada **26hb Disember 2017 jam 10.00 pagi**. Tempat berkumpul adalah di **Lobi Ibu Pejabat Penang Port, No. 1, Pesara King Edward, Penang**. Lawatan tapak adalah **diwajibkan** bagi tujuan memahami skop kerja. Kehadiran penender akan diambilkira semasa proses penilaian tender.

Sehubungan itu, pihak Tuan dikehendaki memenuhi keperluan keselamatan dengan pemakaian lengkap jaket dan topi keselamatan semasa menghadiri lawatan tapak ini. Pihak Tuan adalah tidak dibenarkan memasuki kawasan atau premis Penang Port tanpa memenuhi syarat keselamatan ini.

Tawaran sebutharga yang telah lengkap hendaklah dimeterai dan bertanda "**NO. KONTRAK T170042 – KONTRAK PERLUPUSAN PERKAKASAN KOMPUTER, PERABOT-PERABOT LAMA, ALATAN PEJABAT DAN BESI TERPAKAI DI IBU PEJABAT PENANG PORT SDN. BHD.**" dan dimasukkan ke dalam Peti **Tender "A"** di Unit Kasir, Bahagian Kewangan, Tingkat 1, Bangunan Ibu Pejabat Pentadbiran, Penang Port Sdn. Bhd., No. 1, Pesara King Edward, 10300 Pulau Pinang.

#### **Waktu-waktu penyerahan Tawaran Sebutharga**

Isnin - Khamis : 8.15 pagi - 4.30 petang.

Jumaat : 8.15 pagi - 12.45 tengahari/2.45 petang – 4.30 petang.

Tarikh tutup tawaran ialah pada **12hb Januari 2018**, tidak lewat dari jam 12.00 tengahari. Tawaran tender yang lewat tidak akan dilayan.

Penang Port tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran atau sebahagian daripada tawaran atau yang terendah sekali.